

LAMPIRAN



TRANSLITERASI TEKS SYARĀB AL-‘ĀSYIQĪN*

* Transliterasi ini penulis kutip dari buku yang ditulis oleh Syed Naguib al-Attas berjudul *The Mysticism of Hamzah Fansuri*.

SHARĀBU'L-'ĀSHIQĪN

karangan Ḥamzah Fansūrī

[Naskhah Leiden, no. 2016]

[1] *Bismi' Llāhi' l-rahīmāni' l-rahīm
Al-ḥamdu li' Llāhi rabbi' l-'ālamīn
wa' l-'āqibatu li' l-muttaqīn
wa' l-ṣalātu wa' l-salamu 'alā
rasūlihi Muḥammadin wa 'alā
ālihi wa aṣḥābihi ajma' in.*

(1) Ketahui bahwa faqīr ḍa'if Ḥamzah Fansūrī hendak menyatakan jalan kepada Allāh Subḥānahu wa Ta'ālā dan ma'rifat Allāh dengan bahasa Jāwī dalam kitāb ini—inshā Allāh—supaya segala hamba Allāh yang tiada tahu akan bahasa 'Arab dan bahasa Fārisī supaya¹ dapat memicharakan dia.

(2) Adapun kitāb ini dinamai *Sharābu' l-'Āshiqīn*, ya'nī: *Minuman segala Orang yang Berahi*. Supaya² barangsiapa hendak meminum minuman orang yang berahi [lihatlah] kedalam kitāb ini supaya dapat diperolehnya, kerana perkataan orang yang berahi [ada] dalam kitāb ini. [Akan tetapi perkataan ini] dimukhtaşarkan juga, tiada dimutawwal.

(3) Adapun ma'rifat Allāh terlalu mushkil. Jika tiada guru yang sempurna dan murīd yang bijakshana, tiada terbicharakan, kerana ma'rifat Allāh rahasia Nabī (*ṣalla' Llāhu 'alayhi wa sallam!*). Tetapi barang kuasa kita yogya kita tuntutan, seperti sabda Rasūlu' Llāh (*ṣalla' Llāhu 'alayhi wa sallam!*):

Man ṭalaba shay'an jiddan wajada.

ya'nī:

Barangsiapa menuntut sesuatu padahal disungguh-sungguhinya,³ nischaya diperolehnya.

¹ The word *supaya* here seems redundant.

² This word here also seems redundant.

³ I.e., *Dengan sungguh-sungguh*.

Dan sabda Rasūlu'Llāh (*ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam!*):

*Ṭalabu'l-'ilmi⁴ farīdatun 'alā kulli
muuslimin wa muslimatin.⁵*

ya'nī:

Menuntut 'ilmu itu farḍu atas segala islām laki-laki dan segala islām perempuan.

Dan sabda Rasūlu 'Llāh (*ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam!*):

Uṭlubū'l-⁶'ilma wa law kāna bi'l-ṣin.

ya'nī:

Pergi tuntutan olehmu 'ilmu jikalau dibenua China sekalipun.

Dan firmān Allāh Ta'āla:

*Wa mā khalaqtu'l-jinna wa'l-insa illā
li ya'budūn.⁷ [2]*

ya'nī:

Tiada Kujadikan jinn dan manushia melainkan bagi menyembah Daku (ya'nī: mengenal Daku).

Dan firmān Allāh Ta'āla pada Ḥadīth Qudsī:

*Kuntu kanzan makhfiyyan fa aḥbatu an
u'rafa fa khalaqtu'l-khalqa li⁸ u'raf.*

ya'nī:

Dahulu⁹ adalah Aku pada perbenda[ha]raan yang terbunyi, maka Kukasih akan dikenal Daku, maka Kujadikan segala makhluk supaya dikenal Aku.

(4) Kerana ini maka kata Ahlu'l-Sulūk [bahwa] mengenal Allāh [itu] farḍu dan menyembah Allāh pun farḍu seqadar kuasa kita. Jangan taq-

⁴ Text incorrect: 'ilma.

⁵ Text incorrect: mustimātin.

⁶ Text incorrect: uṭlubi.

⁷ Qur'ān, 51:56.

⁸ Li can also be read as likay in this quotation. Cf., Chapter XI, note 5.

⁹ On the margin.

şir dan jangan menchari kebesaran dunyā dan arta banyak—lebih daripada [quwwat]¹⁰ pagi dan petang—dan [jangan] mashghūlkan anak-isteri dan [jangan] makan-tidur seperti binatang, kerana manusia itu terlalu mulia pada Allāh Ta‘ālā. Yogya kita ketahui kemuliaan diri kita. Ya‘nī barangsiapa berma‘rifat dan berbuat ‘ibādat banyak, orang itulah mulia pada Allāh Ta‘ālā; barangsiapa tiada berma‘rifat dan tiada berbuat ‘ibādat, orang itulah nāqis hukumnya.

Seperti firmān Allāh:

*Lahum qulūbun lā yaʿqahūna bihā
wa lahum a‘yunun lā yubṣirūna bihā
wa lahum aḍḥānun lā yasma‘ūna bihā
ulā’ika kā’l-an ‘āmi bal hum aḍallu
ulā’ika humu’l-ghāfilūn.*¹¹

ya‘nī:

Bermula: bagi mereka itu hati, tiada faham mereka itu dalamnya dengan dia; dan bagi mereka itu mata, tiada mereka itu melihat dengan dia; dan bagi mereka itu telinga, tiada mereka itu menengar dengan dia. Mereka itulah seperti binatang dikita—mereka itu terlalu sesat—mereka itulah yang lupa (akan Tuhannya).

(5) Daripada āyat ini jangan kita ghāfil, jangan kita sangka akan kāfir juga¹² ghāfil. [Kerana itu]¹³ yogya kita kerjakan ṭā‘at, dan menchari ma‘rifat kepada guru yang sempurna kepada shari‘at dan ṭariqat dan ḥaqiqat; [3] kerana shari‘at seperti pagar, ṭariqat seperti rumah, ḥaqiqat seperti isi rumah; jika rumah itu tiada berpagar ‘aqibat[nya] isi rumah itu dichuri orang. Ya‘nī kepada Allāh, jika tiada dengan shari‘at ‘aqibat [nya] diharu Shayṭān. Seperti firmān¹⁴ Allāh Ta‘ālā:

*A lam a‘had ilaykum yā banī Ādama an lā
ta‘budū’l-shayṭāna innahu lakum ‘aduwwu
’l-mubīn.*¹⁵

¹⁰ Quwwat from 7291, p. 82.

¹¹ Qur’ān, 7:179.

¹² Juga here means saja.

¹³ Kerana itu from 7291, p. 83.


¹⁴ Text has: sabda.

¹⁵ Qur’ān, 36:60.

ya'nī:

Tiadakah Aku berjanji dengan kamu, hai anak Ādam, bahwa jangan kamu menyembah Shayṭān? Bahwa sesungguhnya ia bagi kamu setru terlalu nyata.

(6) [Maka] yogya[lah] kita memagari diri kita supaya kita jangan diharu Shayṭān. Barangsiapa memagari dirinya dengan pagar shari'at, tiada dapat [ia] diharu Shayṭān. Adapun barangsiapa keluar daripada kandang shari'at, nischaya dapat [ia] diharu Shayṭān. Adapun barangsiapa menyangka shari'at kecil, atau menchela dia, kāfir—*na'ūdhu bi' Llāhi minhā!*—kerana shari'at tiada bercherai dengan ṭariqat, ṭariqat tiada bercherai dengan ḥaqīqat, ḥaqīqat tiada bercherai dengan ma'rifat. Seperti kapal sebuah; shari'at seperti lunasnya, ṭariqat seperti papan [nya], ḥaqīqat seperti isinya, ma'rifat akan labanya. Apabila lunas dibuangkan, nischaya kapal itu karam; laba pun lenyap, modal pun lenyap, merugi dikita.¹⁶ *Wa' Llāhu a'lam bi'l-ṣawab!*



¹⁶ I.e., *pada kita*. It is not a mistake for *dikata*, as it frequently occurs in the texts. It seems to me to be an equivalent of the Arabic *'indanā*.

Bābu'l-Awwal fī Bayān A'māli'l-Sharī'at

[Bāb yang Pertama pada Menyatakan Perbuatan Sharī'at]¹⁷

(7) Ketahui bahwa yang dinamai sharī'at itu sabda¹⁸ Nabī (ṣalla' Llāhu 'alayhi wa sallam!) menyuruh[kan] kita berbuat baik, melarangkan [kita] berbuat jahat. Seperti sabda Nabī (ṣalla' Llāhu 'alayhi wa sallam!):

Al-sharī'atu aqwāli.

[ya'nī:]

Yang sharī'at [itu] kataku.

Adapun kata Nabī (ṣalla' Llāhu 'alayhi wa sallam!) daripada Allāh juga; seperti dalil Qur'ān bukan daripada kehendak hatinya berkata. Seperti firmān¹⁹ Allāh Ta'ālā:

Wa mā yantiqū 'ani'l-hawā in huwa illā wahyun [4] yūḥā.²⁰

ya'nī:

Tiada Nabī (ṣalla' Llāhu 'alayhi wa sallam!) berkata daripada kehendak hati[nya]. Bahwa melainkan ia yang diturunkan Allāh Ta'ālā kepadanya firmān.

(8) Adapun Nabī (ṣalla' Llāhu 'alayhi wa sallam!) mengatakan bahwa Allāh Subḥānahu wa Ta'ālā esa tiada dua, dan tiada sebagaiNya, dan tiada bertimbal, dan tiada sekutu dan sebangsa, dan tiada serupa, dan tiada berjihat dan tiada bertempat—seperti firmān²¹ Allāh Ta'ālā:

Laysa kamithlihi shay'un.²²

ya'nī:

Tiada sebagaiNya suatu pun.

[Dan Lagi] firmān²³ Allāh Ta'ālā:

Subḥāna' Llāhi 'ammā yaṣifūn.²⁴

¹⁷ Cf., 7291, p. 84.

¹⁸ Text has: *firman*.

¹⁹ Text has: *sabda*.

²⁰ Qur'ān, 53:3-4.

²¹ Text has: *sabda*.

²² Qur'ān, 42:11.

²³ Text has: *sabda*.

²⁴ Qur'ān, 6:100.

ya'ni:

Mahasuchi Allāh Ta'ālā!—tiada dapat diperikan.

(9) Adapun perkara shari'at sendirinya, pertama shadādat, dan [kedua] sembahyang farḍu, [ketiga] memberi zakāt, dan [keempat] puasa farḍu, [kelima] jika ada berzawādah pergi naik ḥajj. Kelimanya ini shari'at Nabī (*ṣalla' Llāhu 'alayhi wa sallam!*). Adapun shari'at tiga perkara: suatu shari'at, barang dilihatnya tiada dilarang; suatu shari'at, yang disuruhnya, suatu shari'at, yang diperbuat Nabī (*ṣalla' Llāhu 'alayhi wa sallam!*). Seperkara [lagi] yogya kita membawa imān akan Nabī (*ṣalla' Llāhu 'alayhi wa sallam!*) bahwa ia persuruh Allāh Ta'ālā. Barang katanya sungguh, barang perbuatannya benar.

(10) Barangsiapa i'tiqādnya sabda Rasūlu'Llāh (*ṣalla' Llāhu 'alayhi wa sallam!*) tiada sungguh atau perbuatannya tiada benar, kāfir—*na'ūdhu bi'Llāhi minhā!*—kerana Nabī (*ṣalla' Llāhu 'alayhi wa sallam!*) dijadikan Allāh Subḥānahu wa Ta'ālā lebih daripada makhlūq sekalian. Apabila ia lebih daripada makhlūq sekalian, nischaya barang perbuatannya benar, barang katanya sungguh. Barangsiapa berahi akan Allāh, yogya dituntut perbuatan Nabī (*ṣalla' Llāhu 'alayhi wa sallam!*) maka ²⁵ sempurna berahi dan sempurna berma'rifat kerana ia²⁶ sempurna berahi dan sempurna memakai [ilmu] sulūk. Barangsiapa tiada menurut fi'ilnya, ia itu nāqis (kekurangan)²⁷ [ṣ] dan sesat hukumnya, kerana shari'at [dan ṭariqat]²⁸ dan ḥaqīqat pakaian Nabī. Apabila kita tinggalkan suatu daripada tiga itu, nāqis hukumnya. Jika ḥaqīqat tiada dengan shari'at, binasa [hukumnya].²⁹ Adapun barangsiapa mengerjakan sembahyang farḍu, dan puasa farḍu, dan makan ḥalāl, dan meninggalkan ḥarām, dan berkata benar, dan tiada laba, dan tiada dengki, dan tiada minum tuak,³⁰ dan tiada mengupat orang, dan tiada mengadu-ngadu, dan tiada zīnat, dan tiada 'uyūb,³¹ dan tiada riyā', dan tiada takabbur—banyak lagi mithalnya ini—ia itu memakai shari'at. Kerana perbuatan itu perbuatan Muḥammad Rasūlu'Llāh (*ṣalla' Llāhu 'alayhi wa sallam!*) yogya kita turut supaya dapat kita kedalam ṭariqat, kerana ṭariqat tiada lain daripada shari'at.

²⁵ Maka here means: *supaya, agar*.

²⁶ Ia refers to Muḥammad.

²⁷ On the margin of the text (translation of the word *nāqis*).

²⁸ Cf., 729I, p. 86.

²⁹ Loc.cit.

³⁰ I.e., *arak*, Arabic: *khamr*; cf., 729I, p. 86.

³¹ Text incorrect: *'ujūd*.

(11) Seperti firmān³² Allāh Ta'ālā:

*Qul in kuntum tuhibbūna' Llāha
fa't-tabi'ūnī yuḥbibkumu' Llāh.*³³

ya'nī:

Katakan [olehnu] (yā Muḥammad) jika ada kamu mengasihi Allāh [maka] turut perbuatanku supaya kamu dikasihi Allāh Ta'ālā.

Dan firmān³⁴ Allāh Ta'ālā:

*Mā ātakumu'l-rasūlu fakhudhūhu
wa mā nahākum 'anhu fa'l-ntahū.*³⁵

ya'nī:

Barang [yang] diberikan Rasūlu'Llāh kepada kamu ambil daripadanya. Bermula—barang yang dilarangkan Rasūlu'Llāh tinggalkan oleh kamu.

Kata Shamsu Tabrīz:

*Shari'at rā muqaddam dāram aknūn
Ḥaqīqat az shari'at nīst birūn...*

ya'nī:

Yang shari'at itu kudahulukan sekarang, Kerana ḥaqīqat dan shari'at tiada berlainan...

*Kasī kū dar shari'at rāsikh āyad
Ḥaqīqat rāh bar way khūd*³⁶ *gushāyad.*

ya'nī:

Barangsiapa ia itu kepada shari'at sempurna, Datang jalan ḥaqīqat kepada orang itu nischaya memukakan dirinya.

Adapun perkara shari'at banyak, mana dapat sekaliannya disebut? Dalam kitāb ini ishārat [6] mukhtaṣar juga tersebut. Barangsiapa berahi akan Allāh Ta'ālā, yogya dichari dengan budi pula.³⁷ *Wa'Llāhu a'lam bi'l-ṣawāb!*

³² Text: *sabda.*

³³ Qur'an, 3:29.

³⁴ Text: *sabda.*

³⁵ Qur'an, 59:7.

³⁶ Text: *khūb.*

³⁷ Text has the form: *pulang.*

Bābu'l-Thānī fī Bayān A'māli'l-Ṭarīqat

[Bāb yang Kedua pada Menyatakan Perbuatan Ṭarīqat]³⁸

(12) Ketahui bahwa ṭarīqat itu tiada lain daripada ḥaqīqat, kerana ṭarīqat permulaan ḥaqīqat [seperti shari'at permulaan ṭarīqat pun].³⁹ Seperti sabda Rasūlu'Llāh (*salla'Llāhu 'alayhi wa sallam!*):

Al-ṭarīqatu af' āli.

ya'nī:

Yang ṭarīqat itu perbuatanku.

Adapun permulaan ṭarīqat [itu] tawbat, seperti tawbat naṣūḥan daripada segala dosa yang māḍī, kerana firmān⁴⁰ Allāh Ta'ālā:

*Yā ayyuhā'l-ladhīna āmanū tūbū ilā'Llāhi
tawbatan naṣūḥan.*⁴¹

ya'nī:

Hai segala kamu⁴² yang membawa imān, tawbatlah kamu kepada Allāh dengan tawbat naṣūḥan (ya'nī setelah sudah tawbat jangan kembali lagi).

Dan [lagi] firmān⁴³ Allāh Ta'ālā:

*Inna'Llāha yuḥibbu'l-ttawwābīna
wa yuḥibbu'l-mutaṭahhirīn.*⁴⁴

Bahwa sesungguhnya Allāh Ta'ālā kasih akan orang [yang] tawbat, dan kasih akan orang [yang] menyuchikan diri.

(13) Dan [ṭarīqat itu] tarku'l-dunyā, ya'nī jangan menaruh arta dunyā banyak, lebih daripada [untuk] dimakan dan diperkain, kerana sabda Rasūlu'Llāh (*salla'Llāhu 'alayhi wa sallam!*):

*Tarku'l-dunyā ra'su kulli 'ibādatin
ḥubbu'l-dunyā ra'su kulli khaṭī'atin.*

³⁸ Cf., 7291, p. 87.

³⁹ Ibid.

⁴⁰ Text: *sabda*.

⁴¹ Qur'ān, 66:8.

⁴² Text: *mereka*—literal translation for second person plural.

⁴³ Text: *sabda*.

⁴⁴ Qur'ān, 2:222.

ya'nī:

Meninggalkan dunyā kepala segala 'ibādat,
kasih akan dunyā kepala segala kejahatan.

Dan [lagi] sabda Rasūlu'Llāh (*ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam!*):

*Kun fi'l-dunyā ka'annaka gharībun
aw 'ābiru sabīlin wa 'udda nafsaka
min aṣḥābi'l-qubūr.*

ya'nī:

Diam dalam dunyā engkau seperti dagang,
atau seperti orang melalui jalan, dan
jadikan dirimu [seolah-olah engkau]
daripada orang isi qubūr.

Dan [lagi] sabda Rasūlu'Llāh (*ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam!*):

Man tawakkala 'alā'Llāhi kafā.⁴⁵

ya'nī:

Barangsiapa menyerahkan dirinya
kepada Allāh padahal.

Erti tawakkal [itu ialah] tiada shakk dalamnya, seperti firmān⁴⁶ Allāh
Ta'ālā:

Fa tawakkalū in kuntum mu'minīn.⁴⁷

ya'nī:

Serahkan diri kamu [7] pada Allāh jika
ada kamu orang perchaya.

(14) Dan [ṭarīqat itu] menuntut Allāh Ta'ālā bersungguh-sungguh dan berṣuḥbat dengan orang berma'rifat, dan menurut firmān Allāh Ta'ālā, dan benchi pada segala [yang] dilarangkan Allāh Ta'ālā, dan sembahyang sunnat, rawātib, dan taḥajjud, dan [sembahyang] ḍuḥā dan nawāfil barang kuasa kita, [dan] menguchap tasbīḥ dan dhikru'Llāh dan tilāwat al-Qur'an, dan puasa ayyāmu'l-biḍ—ya'nī puasa tiga-belas, empatbelas dan limabelas haribulan—dan yawmu'l-ithnayn dan yawmu'l-khamīs dan 'Āshūrā dan bulan Rajab dan bulan Sha'bān [dan bulan Dhū'l-Hijjah],⁴⁸ dan mengurangi makan-[minum], dan [meng]

⁴⁵ Cf., Qur'an, 4:80.

⁴⁶ Text: *sabda*.

⁴⁷ Qur'an, 5:23.

⁴⁸ Cf., 7291, p. 89.

urangi berkata-kata, dan [meng]urangi tidur, dan jauh daripada orang dan berpada-pada.

(15) Sekalian perbuatan ini ṭarīqat namanya, tiada lain daripada ḥaqīqat. Jangan kamu sangka ṭarīqat ini kecil, kerana ṭarīqat pakaian Nabi (*ṣalla’Llāhu ‘alayhi wa sallam!*). Barangsiapa mungkir daripada shari‘at dan ṭarīqat, [ia itu] kāfir—*na’ūdhu bi’Llāhi minhā!* Adapun barangsiapa mengatakan shari‘at dan ṭarīqat jalan yang sebenarnya, tetapi tiada kuasa mengerjakan dia, tiada ia kāfir; ‘aṣī ḥukumnya daripada ia tiada kuasa memakai dia.

(16) Adapun minta makan, kepada shari‘at, jikalau ada padanya [untuk] pagi dan petang, jika pergi minta ḥarām ḥukumnya, kerana sabda Nabi (*ṣalla’Llāhu ‘alayhi wa sallam!*):

*Man sa’ala wa ‘indahu mā yughannīhi fa
innama yastakthiru mina’l-nāri qālū yā
rasūla’Llāhi wa mā yughannīhi qāla qadru mā
yughaddīhi wa yu’ashshīhi.*

ya’ni:

Barangsiapa meminta, bermula: [dan ada] kepadanya barang qadar kayanya, bahwa sesungguhnya membanyak daripada api neraka. Maka bertanya ṣuḥbat: ‘Berapa barang qadar kayanya?’ Maka sabda Rasūlu’Llāh: Qadar pagi dan petang.

(17) Adapun kepada ṭarīqat, jika tiada dapat berdiri sembahyang farḍu, maka harus pergi meminta—itu pun jangan banyak, seqadarmu [8] sekali makan juga. Jika lebih daripada sekali makan, jangan ditaruh; berikan kepada faqīr. Adapun kepada Ḥaqīqat, jangan minta sekali-kali, kerana rizqi kita tersurat pada Lawḥ al-Maḥfūz, dan sudah terbagi: yang banyak, banyak; yang sedikit, sedikit—tiadakan lebih dan tiadakan kurang.

(18) Lagi seperkara, Allāh Ta‘ālā tahu akan lapar kita dan dahaga kita. Kenapa kita mengadu [kan ḥāl]⁴⁹ kepada lain? Seperkara, [se]olah-olah rāḍi akan kenyang, tiada rāḍi akan lapar! Kerana [ini] firmān⁵⁰ Allāh Ta‘ālā:

⁴⁹ Cf., 7291, p. 90.

⁵⁰ Text: *sabda*.

Man lam yarḍa bi qaḍā'ī
wa lam yaṣbir 'alā balā'ī
*wa lam yaskḥur 'alā na'mā'ī*⁵¹
fa'l-yakḥruj min taḥti samā'ī
*fa'l-yaṭlub rabban siwā'ī.*⁵²

ya'nī:

Barangsiapa tiada rāḍi kepada bahgianKu,
 Dan tiada ia ṣabar atas kutukKu,
 Dan tiada memuji atas ni'matKu,
 Maka keluarlah dari bawah langitKu,
 Maka tuntutlah Tuhan yang lain daripadaKu!

(19) Kerana ini maka dilarang Ahlu'l-Ḥaqīqah minta. Adapun kata Ahlu'l-Ḥaqīqah, jika tawakkalnya sempurna, dan rāḍinya sempurna, dan memandang pada Lawḥ al-Maḥfūz naṣībnya, jika ia mati lapar, matinya mati shahīd ḥukumnya. Adapun perkara ṭarīqat Muḥammad Rasūlu'Llāh (*ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam!*) banyak lagi tiada tersurat. *Wa'Llāhu a'lam bi'l-ṣawāb!*

⁵¹ Text has *ni'mati*. In 7291, p. 90, the plural form is given: *ni'amī*. Here, in accordance with the meter, it should be read *na'mā'ī*.

⁵² I.e., in the Holy Tradition (*Ḥadīth Qudsī*).

Bābu'l-Thālith fī Bayān A'māli'l-Ḥaqīqat

[Bābyang Ketiga pada Menyatakan Perbuatan Ḥaqīqat]⁵³

(20) Ketahui bahwa jalan ḥaqīqat [itu] jalan Muḥammad Rasūlu'Llāh (ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam!) kesudah-sudahan jalannya. Seperti Ḥadīth:

*Al-sharī'atu aqwālī
wa'l-tarīqatu af'ālī
wa'l-ḥaqīqatu aḥwālī.*

ya'nī:

Yang shari'at [itu] kataku,
yang tarīqat itu perbuatanku,
yang ḥaqīqat itu pertingkahku.

Ketiganya itu dipakai Nabī. [9] Barangsiapa memakai ketiganya ini maka kāmīl mukammal namanya.

(21) Adapun a'māl Ahlu'l-Ḥaqīqah, dahulu mengenal Allāh dengan sempurna kenal hendak[nya]. [Jika] tiada mengenal Allāh dengan sempurna kenal, tiada dapat memakai ḥaqīqat kerana ḥaqīqat perbuatan ma'rīfat. Maka apabila berma'rīfat, dapat mengerjakan ḥaqīqat.

(22) Adapun Ahlu'l-Ḥaqīqah dua bahagi. Sebahagi⁵⁴ beranak beristeri dan berumah dan bertanaman, tetapi tiada hatinya lekat kepada tanamannya dan pada anak-isterinya dan [kepada] rumah[nya]. Apabila hatinya tiada lekat kepada sekalian itu, tiada ḥijāb padanya. Sungguh pun ia beranak beristeri berumah bertanaman, jikalau anak isterinya mati tiada ia berchinta; jikalau rumahnya dan tanamannya tertunu tiada ia duka; jikalau kerajaan Sulaymān dan [kerajaan] Iskandar diberi Allāh Ta'ālā akan dia pun tiada ia suka, kerana hina dan mulia sama padanya; kaya dan miskin sama padanya; sakit dan nyaman sama padanya—tiada ia melihat dirinya, melainkan Allāh Subḥānahu wa Ta'ālā juga [dilihatnya], kerana kepada Ahlu'l-Ḥaqīqah wujud sekalian 'alam wujud Allāh; nischaya sekalian daripadaNya.

(23) Adapun Ahlu'l-Ḥaqīqah sebahagi lagi da'im menyembah Allāh, dan berahi akan Allāh, dan mengenal Allāh tunggal-tunggal; dan mengenal *dirinya*, dan meniadakan dirinya dan mungesakan⁵⁵ *dirinya*,

⁵³ Cf., 7291, p. 90.

⁵⁴ Text has: *setengah*; I have altered to *sebahagi* for the sake of consistency.

⁵⁵ In 7291: *mengithbātkan*, but the sense conveyed is identical, p. 91.

dan berkata dengan *dirinya* dan fanā' dalam *dirinya* dan baqā' dengan *dirinya* dan benchi akan *zāhir dirinya* dan kasih akan *bāṭin dirinya*, dan menchela *dirinya* dan memuji *dirinya*; jika makan, makan dengan *dirinya*, jika duduk, duduk dengan *dirinya*, jika tidur, tidur [10] dengan *dirinya*, jika jaga, jaga dengan *dirinya*, jika berjalan, berjalan dengan *dirinya*—tiada ia lupa akan *dirinya*, kerana sabda Rasūlu'LLāh (*ṣalla' Llāhu 'alayhi wa sallam!*):

Man 'arafa nafsahu fa qad 'arafa rabbahu.

ya'nī:

Barangsiapa mengenal *dirinya* maka sesungguhnya mengenal Tuhannya.

(24) Seperkara lagi, tatkala ia memandang diluar *dirinya*, barang dilihatnya *dirinya* juga⁵⁶ dilihatnya; barang dipandangnya *dirinya* juga dipandangnya, kerana kepada Ahlu'l-Ḥaqīqah 'alam dengan *dirinya* esa juga, tiada dua-tiga. Apabila 'alam sekalian dengan *dirinya* esa, nischaya barang dilihatnya *dirinya* juga dilihatnya. Seperti sabda Rasūlu'LLāh (*ṣalla' Llāhu 'alayhi wa sallam!*):

Ra'aytu rabbī bi 'ayni rabbī.

ya'nī:

Kulihat Tuhanku dengan mata rahmat Tuhanku.

Kata Lam'at:

*Lā yarā' Llāha ghayra*⁵⁷*Llāh.*

ya'nī:

Tiada melihat Allāh lain daripada Allāh.

Sabda Rasūlu'LLāh (*ṣalla' Llāhu 'alayhi wa sallam!*):

Ra'aytu rabbī bi rabbī.

ya'nī:

Kulihat Tuhanku dengan Tuhanku.

(25) Maka sabda Nabī (*ṣalla' Llāhu 'alayhi wa sallam!*) demikian kerana semesta sekalian 'alam tiada berwujud. Apabila 'alam tiada berwujud, tiada berqudrat dan tiada beraf'āl akan dia. Jika dipalu orang atau diperbaiki orang af'āl Allāh juga dilihatnya, tiada af'āl orang yang lain dilihatnya; nischaya *dirinya*, barang dijabatnya, *dirinya* juga dijabatnya, kerana firmān⁵⁸ Allāh Ta'ālā:

⁵⁶ The text is corrupt: *jika*.

⁵⁷ The text is incorrect: *ghayru*.

⁵⁸ Text: *sabda*.

*Fa aynamā tuwallū fa thamma wajhu' Llāh.*⁵⁹

ya'nī:

Barang kemana kamu hadapkan muka
kamu disana ada Allāh.

(26) Kerana ini maka kata Ahlu'l-Ḥaqīqah sekalian makhlūqāt *diri* kita juga, sekalian manusia saudara kita. Islām dan kāfir, kekasih dan setru, bisa dan tawar, [II] shurga dan neraka, murka dan ampun, baik dan jahat, kaya dan miskin, puji dan chela, kenyang dan lapar, kecil dan besar, mati dan hidup, sakit dan nyaman, benar dan salah—sekalian sama padanya, kerana ma'nā *aynamā tuwallū fa thamma wajhu' Llāh* terlalu nyata padanya. Barangsiapa mendapat ma'nā *aynamā tuwallū fa thamma wajhu' Llāh* tamām. Nischaya barang dipandangnya *wajhu' Llāh* juga dilihatnya. *Wa' Llāhu a'lam bi'l-ṣawāb!*



⁵⁹ Qur'ān, 2:115.

Bābu'l-Rābi' fī Bayān Ma'rifati'Llāhi Ta'ālā

[Bāb yang Keempat pada Menyatakan Ma'rifat Allāh Ta'ālā]

(27) Ketahui bahwa sabda Nabī (*ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam!*):

Al-ma'rifatu sirrī.

ya'nī:

Yang ma'rifat itu rahasiaku.

Dan [lagi] sabda Rasūlu'Llāh (*ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam!*):

Lā taṣiḥḥu'l-ṣalātu illā bi'l-ma'rifah.

ya'nī:

Tiada ṣaḥ sembahyang melainkan dengan ma'rifat.

Ketahui bahwa ittifaq sekalian Anbiyā' dan Awliyā' dan Ḥukamā' dan Ahlu'l-Kalām mengatakan Allāh Subḥānahu wa Ta'ālā Esa, tiada dua; Qadīm, tiada muḥdath; Khāliq, tiada makhluq; tiada berupa dan tiada berwarna; Kekal, tiada fanā'; dan tiada bercherai dan tiada bertemu; dan tiada putus dan tiada pesuk; dan [tiada] mithal dan tiada sebangsa dan sekutu dan tiada bagaiNya; dan tiada bertempat dan tiada bermasa⁶⁰ dan tiada ākhir—suchi [Ia dari] pada kata ini!

(28) Sekalian Ahlu'l-Sulūk dan Ahlu'l-Kalām dan 'Ulamā' muwāfaqat, tetapi terlebih Ahlu'l-Sulūk mengatakan [bahwa Ia] tiada berhingga dan berkesudahan. Ma'nā tiada berkesudahan dan tiada berhingga [itu iaitu] tiada atas akan Dia dan tiada bawah akan Dia, dan tiada kanan [12] akan Dia dan tiada kiri akan Dia, dan tiada hadapan akan Dia dan tiada belakang akan Dia—ya'nī [Ia] suatu wujud [yang] tiada berenam jihāt. Seperti laut yang mahaluas; seperti buah yang kecil [se]biji juga. Sebab ini maka kata Ahlu'l-Sulūk Allāh Subḥānahu wa Ta'ālā ṣamad—kepada semesta sekalian 'alam ini meliputi. Seperti firmān⁶¹ Allāh Ta'ālā:

*Innahu bi kulli shay'in muḥīṭ.*⁶²

ya'nī:

Bahwa sesungguhnya Ia itu dengan semesta sekalian meliputi.

(29) Maka kata 'Ulamā' 'IlmuNya juga [yang] meliputi. Maka kata Ahlu'l-Sulūk DhātNya pun meliputi, 'IlmuNya pun meliputi semesta

⁶⁰ Text follows with: *dan tiada berwarna*—tautology.

⁶¹ Text: *sabda*.

⁶² Qur'ān, 41:54.

sekalian, kerana Ia tiada bercherai dengan 'IlmuNya kerana Allāh Subḥānahu wa Ta'ālā tiada seperti manusia dapat bercherai dengan 'ilmunya.

(30) Seperkara, Allāh Subḥānahu wa Ta'ālā hampir kepada kita dengan DhātNya dan 'IlmuNya, tetapi terlalu mushkil orang mengetahui hampirNya itu. Adapun ma'nā hampir empat perkara: seperkara hampir kepada zamān; kedua perkara hampir kepada makān; ketiga perkara hampir kepada šifāt; keempat perkara hampir kepada Allāh Ta'ālā. Tetapi hampir kepada Allāh Ta'ālā [ter]lalu mushkil mengetahui dia. Adapun hampir kepada zamān seperti kata orang: 'Zamān Muḥammad (ṣalla' Llāhu 'alayhi wa sallam!) terhampir kepada kita daripada zamān 'Isā ('alyhi'l-salām!).' Adapun hampir kepada makān seperti kata orang: 'Bulan terhampir kepada kita daripada bintang Mushtarī.' Adapun hampir kepada šifāt seperti kata orang; 'Bā Yazīd (raḍīya' Llāhu 'anhu!) kepada Rasūlu'Llāh (ṣalla' Llāhu 'alayhi wa sallam!) terhampir daripada 'Utbah⁶³ dan Shaybah ('alayhimā'l-lā'nah!),' jikalau Bā Yazīd [13] terjauh daripada 'Utbah⁶⁴ dan Shaybah pun, kerana Bā Yazīd (raḍīya' Llāhi 'anhu!) hampir [kepada Rasūlu'Llāh] dengan šifāt. Adapun hampir kepada Allāh Subḥānahu wa Ta'ālā kepada semesta sekalian 'alam tiada demikian, sungguh pun firmān⁶⁵ Allāh Ta'ālā:

*Wa huwa ma'akum aynamā kuntum.*⁶⁶

ya'nī:

Ia serta kamu barang dimana [ada] kamu.

Dan [lagi] firmān⁶⁷ Allāh Ta'ālā:

*Wa nahnu aqrabu ilayhi min ḥabli'l-warīd.*⁶⁸

ya'nī:

Kami terhampir kepadanya daripada urat leher kedua.

Dan [lagi] firmān⁶⁹ Allāh Ta'ālā:

*Wa fī anfusikum a fa lā tubširūn.*⁷⁰

⁶³ Text incorrect: 'Atabah.

⁶⁴ Text incorrect: 'Atabah.

⁶⁵ Text: *sabda*.

⁶⁶ Qur'ān, 57:4.

⁶⁷ Text: *sabda*.

⁶⁸ Qur'ān, 50:16.

⁶⁹ Text: *sabda*.

⁷⁰ Qur'ān 51:21. The text incorrect: *yubširūn*.

ya'nī:

Dalam *diri* kamu—tiadakah kamu lihat?

(31) Kerana ini maka kata Ahlu'l-Sulūk [ma'nā] hampir kepada Allāh Ta'ālā [itu] Anbiyā' dan Awliyā' dan Ṣālihīn dan Mushrikīn⁷¹ dan Kāfirīn⁷² dan 'Āṣiyyīn⁷³ sama dikita Ia hampir. Kepada sekalian maktūq sama [Ia hampir], tetapi farḍu hampirNya kepada Ahlu'l-Ma'rifah dan 'Ābid terlebih; ya'nī barangsiapa berma'rifat dan banyak berbuat 'ibādat ia itu hampir hukumnya; barangsiapa tiada berma'rifat dan berbuat ma'ṣiat ia itu jauh, bukan hampir—jauh seperti tamthīl dahulu itu.⁷⁴ Kata ini mushkil, orang Ahlu'l-Kashf juga mengetahui dia.

(32) *Su'āl*⁷⁵ (jika) seorang orang bertanya): 'Jikalau Dhāt Allāh kepada semesta sekalian lengkap, kepada najis dapatkah dikatakan lengkap?' Maka jawāb: 'Seperti panas⁷⁶ lengkap kepada sekalian 'ālam, kepada najis pun lengkap, kepada busuk pun lengkap, kepada baik pun lengkap, kepada jahat pun lengkap, kepada Ka'bah pun lengkap, kepada rumah berhala pun lengkap—kepada sekalian pun sama [lengkap]; kepada najis tiada ia akan najis, kepada busuk tiada ia akan busuk, kepada baik tiada ia akan baik, kepada jahat tiada ia akan jahat; daripada Ka'bah [14] tiada [ia] beroleh kebajikan, daripada rumah berhala tiada ia beroleh kejahatan. Selang puas⁷⁷ lagi demikian, istimewa [Allāh Subhānahu wa Ta'ālā], Suchi daripada segala suchi, dimana Ia akan najis dan busuk?' *Fa'afham*.⁷⁸

(33) *Su'āl*: 'Jika Dhāt Allāh kamu kata lengkap kepada semesta sekalian makhluqāt, siapa yang merasai shiksa neraka, siapa yang merasai ni'mat shurga?' Jawāb: 'Seperti emas dan Ashrafī,⁷⁹ jika ditunu Ashrafī itu, Ashrafī juga yang hangus, emas tiada hangus. Sungguh pun Ashrafī dengan emas tiada bercherai seratus kali atau seribu kali diperbuat, maka [apabila] ditunu, Ashrafī juga yang hangus, emas baqā'; mana-

⁷¹ Text: *mushrik*.

⁷² Text: *kāfir*.

⁷³ Text: 'āṣī.

⁷⁴ Cf., above, pp. 12–13 of the text, the reference to 'Utbah and Shaybah.

⁷⁵ Cf., Hujwīrī, *Kashf al-Mahjūb*, chapter on technical terms.

⁷⁶ I.e., *chahaya*.

⁷⁷ Cf., Chapter VIII, note 76.

⁷⁸ 7291, p. 94. has: *Maka fahamkan olehmu kata ini: i.e., fa'afham*.

⁷⁹ Text: *Ishrafī*.

kan hangus dan manakan lenyap?—kerana Ashrafī seperti makhluqāt, emas seperti Khāliq; makhluq juga yang hangus dan binasa.’ Kata itu terlalu mushkil. Barang orang⁸⁰ tiada lulus disini, yogya kita bicharakan sabda ‘Alī ibni Abī Ṭālib (*karrama’Llāhu wajhahu!*):

Ma ra’aytu shay’an illā wa ra’aytu’Llāha fihi.

ya‘nī:

Tiada kulihat sesuatu melainkan
kulihat Allāh didalamnya.

Dan sabda Rasūlu’Llāh (*salla’Llāhu ‘alayhi wa sallam!*):

*Man nazara ilā shay’in wa lam
yara’Llāha fihi fā huwa baṭilun.*

[ya‘nī]:

Barangsiapa memandang kepada
sesuatu, maka tiada ia melihat
Allāh dalamnya, maka ia itu sia-sia.

(34) Kerana ini maka kata Ahlu’l-Sulūk [bahwa Dhāt Allāh] lengkap [kepada semesta sekalian makhluqāt]. Tetapi ittifaq ‘Ulamā’ dan Ahlu’l-Sulūk dan Ahlu’l-Kalām dan Ḥukamā’ mengatakan kunhi Dhāt Allāh Subḥānahu wa Ta‘ālā tiada siapa datang kesana. Tetapi ‘ibārat-Nya dapat dikatakan seqadar kuasa kita. *Wa’Llāhu ‘alam bi’l-ṣawāb!*

⁸⁰ I.e., Barangsiapa.

Bābu'l-Khāmis fī Bayān Tajalliyāti Dhāti ['l-] Bāri Ta'ālā

[Bāb yang Kelima pada Menyatakan Kenyataan Dhāt Tuhan yang Mahatinggi]⁸¹

(35) Ketahui bahwa kunhi Dhāt Haqq Subhānahu wa Ta'ālā ini dinamai [15] Ahlu'l-Sulūk *lā ta'ayyun*. Maka dinamai *lā ta'ayyun* kerana budi⁸² dan bichara,⁸³ 'ilmu dan ma'rifat kita tiada lulus kepadaNya. Jangankan 'ilmu dan ma'rifat kita, Anbiya' dan Awliya' pun ḥayrān. Olehnya itu maka sabda Nabī (*ṣalla' Llāhu 'alayhi wa sallam!*):

Subhānaka mā 'arafnāka haqqa ma'rifatika.

ya'nī:

[Maha] suchi Mu!—tiada kukenal
sebenar kenal akan Dikau.

Dan sabda Nabī (*ṣalla' Llāhu 'alayhi wa sallam!*):

*Tafakkarū fī khalqī' Llāhi⁸⁴ wa lā
tafakkarū fī dhāti' Llāh.*

ya'nī:

Kamu fikirkan dalam yang dijadikan
Allāh; bermula; jangan kamu fikirkan
dalam Dhāt Allāh.

Kerana [ini] maka dinamai Ahlu'l-Sulūk *lā ta'ayyun*—ya'nī ma'nā *lā ta'ayyun* [itu iaitu] 'tiada nyata'.

(36) Adapun pertama ta'ayyun empat bahagi: 'Ilmu dan Wujūd dan Shuhūd dan Nūr. Ya'nī yang keempat inilah bernama *ta'ayyun awwal*, kerana daripada 'Ilmu maka 'Ālim dan Ma'lūm nyata; kerana Wujūd maka Yang Mengadakan dan [Yang] Dijadikan nyata; kerana Shuhūd maka Yang Melihat dan Yang Dilihat nyata; kerana Chahaya maka Yang Menerangkan dan Yang Diterangkan⁸⁵ nyata. Sekalian itu daripada *ta'ayyun awwal*⁸⁶ juga; 'Ilmu dan Ma'lum, Awwal dan Ākhir, Zāhir dan Bāṭin beroleh nama.

⁸¹ Cf., 729I, pp. 95–96.

⁸² *Budi*: 'Aql.

⁸³ *Bichara*: *Kalām*, in the sense of 'dialectic' (*dialogos*).

⁸⁴ Text has: *ālā'*'Llāhi, but *khalqī'*Llāhi is correct. Cf., 729I, p. 96.

⁸⁵ Text has the order reversed, which is logically inconsistent.

⁸⁶ Text has: *lā ta'ayyun*, but this is incorrect according to the context. Cf., 729I, p. 96.

(37) Adapun Ma'lūm itulah yang dinamai Ahlu'l-Sulūk *a'yān thābitah*. Setengah menamai dia⁸⁷ *ṣuwaru[l-]'ilmiyyah*,⁸⁸ setengah menamai dia⁸⁹ *ḥaqīqatu'l-ashyā'*, setengah menamai dia⁹⁰ *rūḥ idāfī*. Sekalian ini dinamai *ta'ayyūn thānī* hukumnya.

Adapun rūḥ insānī dan rūḥ ḥayawānī dan [rūḥ] nabatī⁹¹ *ta'ayyūn thālīth* hukumnya.

(38) Adapun *ta'ayyūn rābī'* dan *ta'ayyūn-khāmis* ya'nī [ta'ayyūn] jas-mānī kepada semesta sekalian makhlūqāt *ilā mā lā nihāyata[lahu]*⁹² *ta'ayyūn* juga namanya.

(39) Tiada terhisābkan ta'ayyūn itu lagi,⁹³ tetapi 'Ilmu dan Wujūd dan Shuhūd [16] dan Nūr tiada bercherai dengan sekalian ta'ayyūn; kerana jika tiada yang keempatnya itu Yang Empunya ta'ayyūn tiada dapat ta'ayyūn. Kerana itu maka kata Ahlu'l-Sulūk wujūd 'alam sekalian Wujūd Allāh. Adapun wujūd 'alam, sungguh pun kita lihat wujūd, tiada berwujūd, kerana wujūdnya daripada Wujūd Muta'ayyin.⁹⁴ Daripada ghāfil⁹⁵ kita juga kita sangka 'alam berwujūd.

(40) Adapun ta'ayyūn awal dinamai *aḥad* pun ia, *wāḥid* pun ia; apa bila kita lainkan Dhāt Semata SendiriNya *aḥad* NamaNya; apabila kita sertakan ŞifātNya dan 'ibāratNya *wāḥid* NamaNya, kerana *aḥad* itulah bernama *wāḥid* memegang 'alam sekalian *min awwalīhi ilā ākhirīhi*.⁹⁶

(41) Adapun ta'ayyūn awal ini dimithalkan Ahlu'l-Sulūk seperti laut. Apabila laut timbul, ombak namanya—ya'nī apabila 'Ālim memandang Dirinya Ma'lūm jadi daripadaNya. Apabila laut itu melepas nyawa asap namanya—ya'nī dirinya nyawa dengan rūḥ idāfī kepada *a'yān thābitah* sekalian. Apabila asap berhimpun diudara awan namanya—ya'nī isti'dād adanya *a'yān thābitah* berhimpun hendak keluar. Apabila awan itu titik daripada udara hujan namanya— ya'nī rūḥ idāfī

⁸⁷ Text: *dinamai*.

⁸⁸ 729I has: *ṣuwar 'ilmiyyah*, p. 96.

⁸⁹ Text has: *dinamai*.

⁹⁰ Text: *dinamai*.

⁹¹ Text incorrect: *nabatī*.

⁹² 729I, p. 97: *kepada tiada berkesudahan*,

⁹³ I.e., *tiada lagi terhisābkan ta'ayyūn itu*. *Lagi* means here: *dapat*.

⁹⁴ Text incorrect: *ta'ayyūn*.

⁹⁵ Text corrupt: *'āqil*.

⁹⁶ 729I, p. 97: *dariapada pertamanya hingga kesudahannya*.

dengan a'yān thābitah keluar dengan qawl 'Kun!' (*fa yakūn*) berbagai-bagai. Apabila hujan itu hilir dibumi [air namanya; apabila air itu hilir dibumi]⁹⁷ sungai namanya—ya'nī setelah rūḥ idāfī dengan isti'dād aṣlī dengan a'yān thābitah 'hilir' dibawah [qawl] 'Kun!' (*fa yakūn*) 'sungai' namanya. Apabila sungai itu pulang kelaut, laut hukumnya—tetapi Laut itu mahasuchi; tiada berlebihan dan tiada berkurang. Jika keluar sekalian itu, ⁹⁸ tiada [I7] Ia kurang; jika masuk pun sekalian itu, tiada [Ia] lebih kerana Ia Suchi daripada segala yang suchi.

(42) Seperti firmān⁹⁹ Allāh Ta'ālā:

*Kullu shay'in hālikun illā wajhahu.*¹⁰⁰

ya'nī:

Semesta sekalian binasa melainkan DhātNya.

Ya'nī AdaNya; Itu senantiasa ada, yang lain daripada Itu senantiasa tiada ada, kerana kepada Ahlu'l-Sulūk yang ada juga menjadi ada; yang tiada itu tiada [dapat]¹⁰¹ menjadi ada. Ya'nī Allāh Subḥānahu wa Ta'ālā *Wājibu'l-Wujūd*, qā'im SendiriNya, tiada dengan lain. *Munkimu'l-wujūd* qā'im dengan Dia. Apabila *munkimu'l-wujūd* qā'im dengan Dia, hukumnya tiada [ber]wujūd. Kata 'Ulamā' 'alam ini daripada tiada diadakanNya; sudah diadakanNya maka ditiadakanNya. Kata Ahlu'l-Sulūk jika demikian fāsiqlah Allāh Ta'ālā, atau berhingga. Adapun kepada kami yang tiada itu tiada dapat menjadi ada; yang ada itu tiada-kan tiada. Ada kepada ṣuwārī juga lenyap, kepada ma'nawī tiada lenyap. Seperti upama yang mati; zāhirnya lenyap, kepada bāṭinnya tiada lenyap, seperti firmān¹⁰² Allāh Ta'ālā:

*Wa lā taqūlū liman yuqtalu fī sabili'Llāhi
amwātun bal ahyā'un wa lākin lā tash'urūn.*¹⁰³

ya'nī:

Jangan kamu berkata bagi barangsiapa yang terbunuh dalam jalan Allāh itu mati dikita,

⁹⁷ Cf., 7291, p. 98.

⁹⁸ *Itu* refers to the 'waves' i.e., the World. The analogy of sea and waves now refers to God and His creation.

⁹⁹ Text: *sabda*.

¹⁰⁰ Qur'ān, 28:88.

¹⁰¹ Cf., 7291, p. 98.

¹⁰² Text: *sabda*.

¹⁰³ Qur'ān, 2:154.

[bahkan-mereka itu] hidup, tetapi tiada
[kamu]¹⁰⁴ sekalian menyedar [akan dia].

(43) Akan semesta sekalian pun demikian; asalnya daripada Allāh, pulangnyapun kepada Allāh—bukan daripada tiada pulang kepada tiada! Seperti firmān¹⁰⁵ Allāh Ta‘alā:

*Innamā amruhu idhā arāda shay’an an
yaqūla lahu kun fa yakūn.*¹⁰⁶

ya‘nī:

Bahwa sesungguhnya, [titahNya] tatakala berkehendak [Ia] kepada sesuatu bahwa berkata [Ia] baginya: ‘Jadi engkau!’—maka menjadi sekalian [itu].

Kata Ahlu’l-Sulūk ma‘nā lahu [itu] *ada* hendak[nya] maka firmān¹⁰⁷ Allāh Ta‘alā lahu. Jika [18] tiada mawjūd tiadakan disebut Allāh Ta‘alā lahu. Seperkara pula¹⁰⁸ kata Ahlu’l-Sulūk Allāh Ta‘alā Qadīm; dan ‘Ālim, apabila Ia ‘Ālim, Ma‘lūm dalam ‘IlmuNya *ada* hendak[nya]. Barang yang dijadikanNya ‘dahulu’ atau ‘kemudiannya’ kita lihat sekalian daripada Ma‘lūm itu juga. Jikalau demikian, hukumnya daripada *ada* juga diadakanNya, bukan daripada tiada maka diadakanNya, kerana yang dinamai *ada* itu wujud Shu‘ūnNya juga. Seperti firmān¹⁰⁹ Allāh Ta‘alā:

*Kulla yawmin huwa fi shā’n.*¹¹⁰

ya‘nī:

Kepada segala hari Ia dalam KelakuanNya juga.

(44) Hai [Ṭālib!], Keadaan Allāh Subhānahu wa Ta‘alā seperti laut yang tiada berhingga dan tiada berkesudahan; ‘alam ini dan semesta sekalian dalam laut itu seperti buih kecil sebiji juga. Manusia seorang dalam buih [itu] akan berapa bahagiannya?—ya‘nī tiada lagi melainkan seperti firmān¹¹¹ Allāh Ta‘alā:

¹⁰⁴ Text reading: *mereka itu*.

¹⁰⁵ Text: *sabda*.

¹⁰⁶ Qur’ān, 36:82.

¹⁰⁷ Text: *sabda*.

¹⁰⁸ Text: *pulang*.

¹⁰⁹ Text: *sabda*.

¹¹⁰ Qur’ān, 55:29. Text incorrect rendering: *mereka itu*.

¹¹¹ Text: *sabda*.

*Kullu man ‘alayhā fān
wa yabqā wajhu rabbika
dhū’l-jalāli wa’l-ikrām.*¹¹²

ya‘nī:

Barang segala yang diatas ‘alam nin¹¹³
lenyap; bermula: yang kekal Dhāt
Tuhan[mu] juga, Yang Empunya Kebesaran
dan Kemuliaan.

(45) Hai Ṭālib!, ‘alam ini seperti ombak, Keadaan Allāh Ta‘ālā seperti laut; sungguh pun ombak lain daripada laut, kepada haqīqatnya tiada lain daripada laut. *Kamā qāla* [Rasūlu]‘Llāhi Ta‘ālā:¹¹⁴

Khalaqa Ādama ‘alā sūratihī

ya‘nī:

Bahwa Allāh Ta‘ālā menjadikan Ādam
atas RupaNya.

Kata ‘Ulamā’ [ma‘nā] atas rupanya [itu] ya‘nī Allāh Ta‘ālā menjadikan atas rupa Ādam. Kata¹¹⁵ Ahlu’l-Sulūk atas Rupa Yang Menjadikan. Adapun suatu Ḥadīth ini tiada terma‘nakan oleh [para] pandita. Sabda Rasūlu’Llāh (*salla’Llahu ‘alayhi wa sallam!*):

*Inna’Llāha Ta‘ālā [19] khalaqa Ādama
‘alā sūratihī’l-rahmān.*

ya‘nī:

Bahwa Allāh Ta‘ālā menjadikan
Ādam atas Rupa Raḥmān.

kerana Raḥmān seperti laut, Ādam seperti buih. Sabda Rasūlu’Llāh (*salla’Llahu ‘alayhi wa sallam!*):

Man ‘arafa nafsahu fa qad ‘arafa rabbahu.

ya‘nī:

Barangsiapa mengenal *dirinya*,
maka sesungguhnya mengenal Tuhannya.

Ḥadīth ini pun ishārat kepada laut dan buih juga. Barangsiapa tahu akan ‘ibārat ini, tahu akan tajalliyāt Dhāt Ḥaqq Subḥānahu wa Ta‘ālā.


¹¹² Qur’ān, 55:26-27.

¹¹³ I.e. *ini*.

¹¹⁴ 7291, p. 100, *Seperti sabda Rasūlu’Llāh*.

¹¹⁵ Text has: *Berkata*.

Adapun perkataan tajalliyāt banyak lagi tiada tersuratkan. Sekalian yang sudah dikatakan dalam kitāb ini mukhtaṣar juga. Barangsiapa berahi akan Allāh, yogya dichari dengan kebaktian pula.¹¹⁶ *Wa'LLāhu a'lam bi'l-ṣawāb!*



¹¹⁶ Text: *pulang*.

Bābu'l-Sādīs fī Bayān Şifāti[’Llāhi] Subḥānahu wa Ta’ālā

[Bāb yang Keenam pada Menyatakan Şifāt Allāh Subḥānahu wa Ta’ālā]

(46) Ketahui bahwa Şifāt Allāh yang qadīm sertaNya tujuh: suatu Ḥayāt,¹¹⁷ kedua ‘Ilm,¹¹⁸ ketiga Irādah, keempat Qudrah¹¹⁹ kelima Kalām, keenam Sami’,¹²⁰ ketujuh Başar.¹²¹ [Allāh itu]¹²² qadīm dengan Şifāt yang ketujuh ini. Adapun jika Şifāt yang ketujuh ini tiada sertaNya, nāqis hukumnya, kerana kepada Ahlu’l-Sulūk Şifāt ‘ayn Dhāt, seperti Ḥayāt;¹²³ Dhāt juga yang bernama Ḥayy, seperti ‘Ilm;¹²⁴ Dhāt juga, kerana ‘Ilmu, maka bernama ‘Ālim, seperti Irādah; Dhāt juga, kerana Irādah, maka bernama Murīd. Dengan sekalian Şifāt pun demikian—*ilā mā lā nihāyata lahu*.¹²⁵ Adapun kata ‘Ulamā’ Şifāt ‘ayn Dhāt pun tiada, ghayr Dhāt pun tiada; seperti kata Imām Ghazzālī (*raḍīya’ Llāhu ‘anhu!*):

*Şifātu’Llāhi laysat ‘ayna’l-dhāti
wa lā ghayra siwāhu dhā’l-infişāli.*

ya’nī:

Şifāt Allāh tiada ‘ayn Dhāt dan tiada yang lain [20] daripadaNya becherai.

(47) Adapun Şifāt Ḥaqq Subḥānahu wa Ta’ālā Kamāl. Dibawah ini Jalāl dan Jamāl, kerana kenyataan semesta sekalian ‘alam ini dibawah Jalāl dan Jamāl juga. Ya’nī segala yang baik daripada Jamāl, segala yang jahat daripada Jalāl; kāfir daripada Jalāl, islām daripada Jamāl; shurga daripada Jamāl, neraka daripada Jalāl; murka daripada Jalāl, ampun daripada Jamāl.¹²⁶

(48) Adapun Dhāt lengkap; kepada Jalāl pun serta, kepada Jamāl pun serta, kerana Jalāl dan Jamāl ŞifātNya juga. Ada kalanya daripada Jamāl

¹¹⁷ Text: *Ḥayy*.

¹¹⁸ Text: *‘Ālim*.

¹¹⁹ Text: *Qādir*.

¹²⁰ Text: *Sami’*.

¹²¹ Text: *Başir*.

¹²² Text: *ya’nī*.

¹²³ Text: *Ḥayy*.

¹²⁴ Text: *‘Ālim*.

¹²⁵ Cf., *Asrār*, pp. 19, 23–24.

¹²⁶ Cf., *Ibid.* pp. 38–39, 40, 44–45.

menjadi Jalāl; ada kalanya Jalāl menjadi Jamāl. Adapun Shayṭān dahulu Jamāl, kemudian menjadi Jalāl.¹²⁷ Şifāt ini juga yang bertukar. Akan Dhāt Subḥānahu wa Ta‘ālā mahasuchi daripada bertukar; seperti air menjadi ombak, ombak juga bertukar-tukar, akan air tiada bertukar, senantiasa hening dan suchi, tiada berupa dan tiada berwarna. Sekalian rupa dan sekalian warna daripada JalālNya dan JamālNya juga.

(49) Su‘āl Ahlu’l-Suluk kepada ‘Ulamā: ‘Islām pun dijadikan Allāh, kāfir pun dijadikan Allāh; kerana apa maka tiada disamakan Allāh Subḥānahu wa Ta‘ālā? Islām diberiNya imān dan ma‘rifat, kāfir diberiNya kufr dan shirk; setelah diberiNya akan mereka itu iman dan kufr,¹²⁸ maka diberiNya shurga akan islām, neraka akan kāfir—keduanya *ilā abadi’l-ābād*. Kerana NamaNya ‘Ādil [mengapa maka perbuatanNya itu?]¹²⁹ Maka kata ‘Ulamā: ‘Kerana¹³⁰ Ia berbuat sekehendakNya.’ Kata Ahlu’l-Suluk: ‘Jika [Ia] berbuat sekehendakNya, zālim hukumnya, kerana kāfir dapat diislamkanNya, ngapa maka dikāfirkanNya, sudah dijadikanNya kāfir [21] maka dimasukkanNya kedalam neraka *ilā abadi’l-ābād*¹³¹ tiada lagi ampun—betapa¹³² maka dikatakan ‘Ādil?’

(50) Kata ‘Ulamā: ‘Seperti seorang orang berkambing banyak. Setengah disembelihnya, maka dikubaknya, maka diharbusnya,¹³³ maka ditununya, maka dipachaknya—ia juga yang empunya, bukan benda orang lain. Jika benda orang lain disembelihnya maka zālim hukumnya; jika bendanya disembelihnya tiada zālim hukumnya.’ Kata Ahlu’l-Suluk: ‘Ibārat kepada kami dengar pula.¹³⁴ Adapun Dhāt Allāh Qadīm. isti‘dād makhlūqāt sekalian yang dalam ‘ilmuNya [pun] qadīm. Barang dijadikan Allāh Subḥānahu wa Ta‘ālā muwāfawat dengan isti‘dād itu juga. Kerana isti‘dād sekalian islām daripada Jamāl, isti‘dād

¹²⁷ Cf., Qur‘ān, 2:34, 7:11–12, 15:31–37, 17:61, 18 and 50, 20:116. See also the *Mathnawi* II, pp. 256–7; also Nicholson’s *The Idea of Personality in Sūfism*, Cambridge, 1923, pp. 31–33.

¹²⁸ Text: *kufr dan imān*. I have reversed the order for the sake of logical consistency.

¹²⁹ Cf., 7291, p. 103.

¹³⁰ Text corrupt: *kiranya*.

¹³¹ Text incorrect: *abadi*.

¹³² Text corrupt: *tetapi*—due to faulty diacritical symbols.

¹³³ I.e., *direbusnya*. For a note on the prefix *har* see R. Brandstetter, *An Introduction to Indonesian Linguistics*, translated by C.O. Blagden, London, 1916, pp. 172: 52, 1.

¹³⁴ Text: *pulang*.

[sekalian] kāfir daripada Jalāl—kerana Jamāl se[b]agai Laṭīf, Jalāl se[b]agai Qahhār—maka dikeluarkan Allāh Subḥānahu wa Ta‘ālā dengan Af‘ālNya daripada Laṭīf, ‘Azīz; daripada Qahhār, Dhalīl.¹³⁵ Kerana NamaNya Al-Mu‘izz [dan] Al-Mudhill, maka dimasukkanNya mereka itu kedalam [shurga dan kedalam] neraka dengan [hukum] isti‘dād mereka itu kerana shurga daripada Laṭīf, neraka daripada Qahhār, dipulangkan Allāh Ta‘ālā mereka itu kepada tempatnya [masing-masing].¹³⁶

(51) Adapun manusia sekalian dan malā’ikat dan jinn yang disuruhnya Allāh Ta‘ālā mereka itu berbuat ‘ibādat, sungguh pun mereka itu berbuat ‘ibādat, [tetapi] tawfiq daripadaNya, gerak daripadaNya, quwwat daripadaNya, berahi daripadaNya. Kerana dilihatNya isti‘dād mereka itu daripada islām [dan ismi] Laṭīf dan Mu‘izz,¹³⁷ maka disuruhNya berbuat ‘ibādat. Setelah mereka itu berbuat ‘ibādat maka dimasukkanNya kedalam shurga. Adapun mereka itu yang kāfir, diberiNya quwwat berbuat ma‘ṣiat, melawani islām, dan kebencian hatinya supaya jangan dapat membawa imān. Kerana dilihatNya isti‘dād mereka itu daripada ismi [22] Qahhār dan Mudhill, disuruhNya berbuat ma‘ṣiat, maka dimasukkanNya kedalam neraka. Inilah ma‘nā ‘Ādil, tiada zālim—tiada ditukariNya tempat mereka itu.

(52) Sungguh pun sabda Rasūl’Llāh (*salla’Llāhu ‘alayhi wa sallam!*):

*Lā tataḥarraku dharratun*¹³⁸ *illā bi idhni’Llāh.*

ya’nī:

Tiada bergerak suatu dharrat pun melainkan dengan kehendak Allāh juga.

Dan sabda Rasūlu’Llāh (*salla’Llāhu ‘alayhi wa sallam!*):

Khayrihi wa sharrihi mina’Llāhi Ta‘ālā.

ya’nī:

Baik dan jahat daripada Allāh Ta‘āla.

Sungguh pun sekalian daripadaNya, tetapi muwāfaqat dengan isti‘dād ma‘lūmāt yang dalam ‘ilmuNya juga, kerana isti‘dād ma‘lūmāt Shu‘ūn DhātNya berbagai-bagai. Tetapi DhatNya tiada berbagai-bagai—

¹³⁵ Text incorrect: *dalīl*.

¹³⁶ Text: *mereka itu*.

¹³⁷ Text: *ma‘rifat*. Cf., 7291, p. 104.

¹³⁸ Text incorrect: *tataharraka dharratan*.

mahasuchī daripada sekalian Shu'ūn dan sekalian ibārat.' Kata 'Ulamā': 'Apabila demikian, hukumnya [tiada]¹³⁹ berguna lagi Irādat dan Qu-drat, kerana barang jadi [menjadi] sendirinya, dengan hukum [isti'dād-nya, tiada dengan hukum]¹⁴⁰ Irādat dan Qu-drat.' Kata Ahlu'l-Sulūk: 'Irādat dan Qu-drat sedia ada—senantiasa [adanya]¹⁴¹ qadīm—tetapi IrādatNya dan Qu-dratNya pun muwāfaqat dengan isti'dād ma'lūmāt juga, kerana isti'dād ma'lūmāt Shu'ūn DhātNya. Apabila diubahNya binasa kebesarannya, kerana kebesarannya itu KamālNya—tiada dapat diubahNya lagi. Apabila diubahNya, binasa KamālNya.

(53) Seperti seorang orang permai rupanya; maka diubahnya permainya dengan irādatnya dan qu-dratnya—ya'nī keningnya dibetulkan [nya], atau hidungnya diratakannya, atau bibirnya diratakannya—[semua ini] dengan hikmat juga. Apabila tiada dengan hikmat, binasa kamālnya. [Suatu] tamthīl lagi seperti seorang raja sempurna lengkap dengan kekayaannya. Dapat diubahnya kekayaannya; gajah dijadikan kudu, atau kudu dijadikan gajah, atau kambing dijadikan anjing, atau anjing dijadikan kambing. [23] Tetapi tiada ia mahu mengubah dia, kerana apabila ia mengubah [dia] binasa kamālnya. Yang sadya¹⁴² [se]olah-olah belum kamāl—baru hendak mengadakan kamālnya dan kebesarannya. *Fa ifham!*¹⁴³

(54) Adapun farḍu akan kita membawa imān kepada Shu'ūnNya dan ŞifātNya dan Af'alNya dan ishārātNya—seperti shurga dan neraka dan shiksa qubūr dan 'adhāb neraka dan hisāb pada Hari Qiyāmat. Sungguh pun [itu semua] tiada berwujud, membawa imān akan sekalian itu [farḍu atas sekalian kita. Barangsiapa mungkir daripada sekalian itu]¹⁴⁴ tempat Jalāl dan Qahhār dan 'adhāb diperolehnya, dan [ia] menjadi kāfir—*na'ūdhu bi' Llāhi minha!* Adapun barangsiapa membawa¹⁴⁵ imān akan semesta sekalian itu, islām hukumnya; tempat Jamāl dan Laṭīf dan Mu'izz diperolehnya. *Wa 'Llāhu a'lam bi'l-sawāb!*

¹³⁹ Cf., 7291, p. 105.

¹⁴⁰ Ibid.

¹⁴¹ Text: *dan*—but see 7291, p. 105.

¹⁴² I.e., *sedia*.

¹⁴³ 7291: *Maka fahamkan olehmu perkataan ini!* p. 105.

¹⁴⁴ 7291, p. 106.

¹⁴⁵ On the margin of the text.

Bābu'l-Sābi' fī Bayāni'l-'Ishqi wa'l-Shukr

[Bāb yang Ketujuh pada Menyatakan Berahi dan Shukur]¹⁴⁶

(55) Ketahui bahwa pangkat berahi terlalu tinggi daripada segala pangkat, kerana berahi tiada dapat diperbuat melainkan anugeraha Allāh Ta'ālā juga. Adapun 'alamat orang berahi, tiada takut akan mati. Apabila [takut ia akan mati, tiada berahi hukumnya, kerana]¹⁴⁷ kehendak orang berahi [itu mati]. Seperti sabda Rasūlu'LLāh (*ṣalla'LLāhu 'alayhi wa sallam!*):

*Man māta mina'l-'ishqi faqad*¹⁴⁸ *māta shahīdan.*

ya'nī:

Barangsiapa mati daripada berahinya, maka bahwa sesungguhnya mati shahīd.

Sabda Rasūlu'LLāh (*ṣalla'LLāhu 'alayhi wa sallam!*):

*Man 'ashaqa wa 'ushiqa fa māta
mina'l-'ishqi faqad māta shahīdan.*

ya'nī:

Barangsiapa berahi dan bersungguh-sungguh diberahikannya, maka mati ia daripada berahi [itu], maka bahwa sesungguhnya mati shahīd.

Dan kata Ahlu'l-Sulūk:

Al-'ishqu 'aduwwu'l-'aql.

ya'nī:

Yang Berahi itu setru Buddi.¹⁴⁹—

[kerana buddi] hendak hidup, berahi hendak mati; [24] buddi hendak menchari arta banyak-banyak, berahi hendak memuangkan [arta]; buddi hendak menjadi raja dan mentri, berahi hendak menjadi faqīr; buddi hendak nyaman, berahi hendak sakit; buddi hendak mulia, berahi hendak hina; buddi hendak kenyang, berahi hendak lapar; buddi hendak duduk keatas, berahi hendak duduk kebawah—kerana itu dikatakan Ahlu'l-Sulūk: 'Berahi setru Buddi.' Seperti seorang orang hendak melawan seratus [orang]; kata Buddi: 'Jangan dilawan, engkau

¹⁴⁶ 7291, p. 106.

¹⁴⁷ Cf., 7291, p. 106.

¹⁴⁸ On the margin of the text.

¹⁴⁹ *Budi* written in sanscrit form *budd[h]i*. Repetition of *budi* in text.

seorang lawanmu banyak, manakan dapat kau lawan?' Kata Berahi:
'Seorang pun engkau jangan takut!' Seperti firmān¹⁵⁰ Allāh Ta'ālā:

*Idhā jā'a ajaluhum lā yasta'khirūna sā'atan
wa lā yastaqdimūn.*¹⁵¹

ya'nī:

Apabila datang ajal mereka itu, tiadakan
dapat mereka itu kemudian seketika
dan tiadakan [dapat] dahulu mereka itu.

(56) Adapun maka mereka itu hendak mati kerana sabda Rasūlu'Llāh
(*ṣalla'llāhu 'alayhi wa sallam!*):

*Al-mawtu jisru'l-ḥabībi*¹⁵² *ilā'l-ḥabīb.*

ya'nī:

Mati itu iaitu [sebagai titian yang]
menyampaikan kekasih pada kekasih.

Dan [lagi] sabda Rasūlu'Llāh (*ṣalla'llāhu 'alayhi wa sallam!*):

Mūtū qabla an tamūtū.

ya'nī:

Matikan (dirimu) sementara belum mati.

Dan lagi firmān¹⁵³ Allāh Ta'ālā:

*Qul in kānat lakumu'l-dāru'l-ākhiratu
'inda'llāhi khāliṣatan min dūni'l-nāsi
fa tamannū'l-mawta in kuntum ṣādiqin.*¹⁵⁴

ya'nī:

Katakan (yā Muḥammad) jikalau ada
bagi kamu negeri ākhirat kepada Allāh
tertentu tiada bagi segala manusia, maka
tuntut oleh kamu mati—jikalau ada kamu
orang yang betul.

(57) Erti mati bukan pergi memunuh diri dengan senjata atau dengan
rachun [25]; erti mati menyerahkan diri kepada Allāh Ta'ālā tajrīd
dan tafrīd. Hendak[nya] tajrīd dan tafrīd [itu iaitu] tanggal dan tunggal

¹⁵⁰ Text: *sabda.*

¹⁵¹ Qur'ān, 7:34.

¹⁵² Text incorrect: *jasru'l-ḥabību.*

¹⁵³ Text: *sabda.*

¹⁵⁴ Qur'ān, 2:94.

—ya'nī tanggal daripada rumah dan arta kekayaan dan berṣuḥbat dengan raja dan mentri; adapun ma'nā tunggal [itu iaitu] tiada berchampur dengan orang. Ya'nī tajrīd [ialah] tanggal daripada dirinya; [tafrīd ialah] tunggal dengan Tuhannya—ya'nī menafikan¹⁵⁵ dirinya [dan] mengithbātkan Tuhannya. Ya'nī inilah ḥaqīqat *lā ilāha illā' Llāhu waḥdahu lā sharīka lahu*, [kerana] shirk Allāh Subḥānahu wa Ta'ālā [itu dirinya].¹⁵⁶ Apabila ia tanggal daripada dirinya, maka tunggal—[ya'nī] apabila ia tanggal daripada shirk, maka dapat menjadi tunggal. [Setelah dapat menjadi tunggal]¹⁵⁷ maka 'āshiq dan mabok namanya, kerana orang berahi yang sudah tanggal daripada dirinya, akan harimau tiada ia takut—akan [orang] berbuddi takut [ia akan harimau]—akan gajah tiada ia takut, akan ular tiada ia takut, akan api tiada ia takut—akan orang¹⁵⁸ berbuddi, ia takut [akan semua ini]. Kerana itu maka kata Ahlu'l-Sulūk; 'Buddi setru Berahi.'

(58) Adapun akan [orang] berahi tiada ia takut akan neraka dan tiada ia ingin akan shurga—Allāh SendiriNya juga kehendaknya. Apabila ṣifāt yang demikian ada akan dia berahi hukumnya. Jika tiada ṣifāt demikian akan dia 'āshiq akan nasi baru—belum 'āshiq akan Allāh Ta'ālā! Ya'nī selang nyawanya lagi tiada dikhabarkannya, manakan ingat ia kepada arta dan nasi?

(59) Adapun akan orang berahi yang tiada dapat menaruh rahasia[nya]—seperti kata Mawlānā Rūm:

*Man khudā am! man khudā am!
man khudā am!*¹⁵⁹

ya'nī:

Aku Allāh! Aku Allāh! Aku Allāh!—

katanya itu kata mabok, bukan hawa nafsunya. Dan [seperti kata] Shaykh [26] Maṣṣūr [al-Ḥallāj] mengatakan *Anā'l-Ḥaqq!* itu pun [demikian]. Jangan kita menurut katanya [kerana kita tiada *maglūbu'l-ḥāl*].¹⁶⁰ Tetapi jika berahi dan mabok—tiada tertaruh rahasia kita lagi—barang kata dikatakan, tiada berdosa. *Fa ifham!*¹⁶¹

¹⁵⁵ Text has: *melainkan*.

¹⁵⁶ Cf., 729I, p. 108.

¹⁵⁷ Loc. cit.

¹⁵⁸ On the margin of the text.

¹⁵⁹ Text has: *khudā im!*

¹⁶⁰ Cf., 729I, p. 109.

¹⁶¹ 729I has: *Maka fahamkanlah olehmu!*

(60) Adapun kitāb ini tujuh bāb diperbuat Darwīsh Ḥamzah *Permainan Orang Berahi* supaya jangan sukar hamba Allāh menchari ‘ilmu, kerana dalam kitāb ini ‘ilmu dan ‘amal baik termadhkūr.

(61) Tiada berapa lagi kurangnya. Tetapi barangsiapa menyamakan dia, yogya disaḥkan dua-tiga kali supaya [jangan] lebih-kurang ḥuruf-ḥurufnya [dan kalimatnya. Apabila lebih kurang, binasa ma‘nānya],¹⁶²

Wa’Llāhu a‘lam bi’l-ṣawāb!

Tanun al-Kitāb.

‘Alāmat tammat menyurat kitāb ini pada bulan Rajab, pada sembilan hari daripadanya, waqtu duḥā, hari Thalāthah Hijratu’l-Nabī (*salla’ Llāhu ‘alayhi wa sallam!*) Seribu Seratus Enam Belas tahun berjalan. *Wa’Llāhu a‘lam bi’l-ṣawāb!*



¹⁶² Cf., 7291, pp. 109–110.